

**Untuk Siaran Segera  
24 Ogos 2023**

## **PNB Menggabungkan Sime Darby Berhad dan UMW Holdings Berhad untuk Memperkukuh Sektor Automotif Domestik dan Serantau**

**Kuala Lumpur, 24 Ogos 2023** - Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengesahkan cadangan penggabungan UMW Holdings Berhad (Kumpulan UMW), dengan Sime Darby Berhad (Sime Darby), sebuah syarikat multinasional Malaysia dalam sektor Perindustrian dan Permotoran, dengan operasi di seluruh Wilayah Asia Pasifik. Sime Darby telah menandatangani perjanjian pembelian saham bersyarat (“SPA”) dengan PNB untuk mengambil alih 61.2% kepentingan PNB dalam Kumpulan UMW. Kedua-dua syarikat adalah sebahagian daripada kumpulan Syarikat Strategik PNB.

Penggabungan dua pemimpin dalam industri automotif ini adalah didorong oleh peluang untuk mengukuhkan kehadiran kami dalam sektor automotif di peringkat tempatan dan serantau selain untuk merangsang agenda elektrifikasi, yang dijangka memacu pertumbuhan pelaburan, meningkatkan kecekapan, dan mencipta nilai untuk pemegang unit kami.

Langkah strategik ini juga adalah sejajar dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 oleh kerajaan, yang akan menyokong pertumbuhan selanjutnya sektor automotif terutamanya dalam meletakkan kedudukan negara sebagai hab automotif bagi rantau ini.

**- TAMAT -**

### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) merupakan antara syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan Aset di Bawah Pengurusan (AUM) melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB meliputi pelaburan strategik dalam syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan swasta dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my)

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**